

# Arab Saudi kenakan caj baharu untuk setiap visa haji

**SEPANG** - Kerajaan Arab Saudi akan mengenakan bayaran 300 Saudi Riyal (SAR) (bersamaan kira-kira RM326) ke atas setiap jemaah bagi setiap visa yang dikeluarkan mulai musim haji 1441H.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa berkata, kerajaan Arab Saudi menetapkan caj tersebut yang merupakan perkara baharu diperkenalkannya kepada jemaah haji seluruh dunia termasuk Malaysia.

“Ini (visa) perkara baharu yang diperkenalkan oleh Arab Saudi dan Malaysia tiada pilihan melainkan untuk menerima keputusan yang dibuat oleh negara itu.

“Arab Saudi turut memansuhkan bayaran 2,000 SAR (kira-kira RM2,171) yang dikenakan bagi jemaah haji berulang iaitu mengerjakan ibadat haji lebih daripada sekali,” katanya kepada pada sidang media khas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini semalam.

Mujahid berkata, perkara itu dimaklumkan kepadanya semasa mengadakan pertemuan dan perbin-



**Mujahid (kiri) dan Mohammed Saleh menandatangani satu perjanjian di Arab Saudi baru-baru ini bagi mengatur ketibaan jemaah dari Malaysia dan menguruskan perkhidmatan yang bakal disediakan untuk mereka sepanjang berada di Tanah Suci.**

cangan bersama Menteri Haji dan Umrah Arab Saudi, Mohammad Saleh Taher Benten berhubung isu-isu berkenaan hal ehwal pengurusan dan persiapan jemaah haji dari Malaysia bagi musim haji 1441H.

Pada pertemuan itu, kedua-dua pihak telah menandatangani satu perjanjian bagi mengatur ketibaan jemaah dari Malaysia dan menguruskan perkhidmatan yang bakal disediakan untuk

mereka sepanjang berada di Tanah Suci.

Mengulas lanjut, Mujahid berkata, perjanjian itu menyebut akan mengekalkan inisiatif *Road to Makkah* iaitu fasiliti prapelepasan di KLIA bagi memudahkan semua urusan jemaah haji untuk menunaikan Rukun Islam kelima itu pada musim haji 1441H.

“Antara sebab kenapa perkhidmatan ini dikekalkan kerana bagi pihak kita

khususnya TH dan agensi berkaitan seperti Jabatan Imigresen dan keselamatan kita telah memberikan kemudahan *at par* yang sama *compatible* dengan sistem yang ada di Arab Saudi.

“Jadi, mereka memilih kita sebagai satu destinasi prapelepasan yang sangat berkesan dan menjadi contoh kepada negara lain untuk diikuti,” katanya.

*Road To Makkah* adalah satu sistem prapelepasan haji yang menyaksikan jemaah haji diambil cap jari dan passport mereka akan dicap di negara di mana jemaah berlepas serta kemasukan mereka ke Arab Saudi akan dipermudahkan seperti penerbangan domestik, manakala bagasi mereka akan dihantar terus ke hotel penginapan mereka.

Mujahid berkata, kerajaan Arab Saudi juga bersedia meneruskan projek perintis EYAB iaitu inisiatif bagi memudahkan urusan perjalanan pulang jemaah haji ke negara masing-masing yang akan disediakan di terminal khas di Lapangan Terbang Jeddah dan Madinah.

“Ini satu lagi pencapaian dalam runtingan kita yang membuktikan tahap kepercayaan (Arab Saudi) kepada kita,” katanya.